

119
NO. SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN**
[PADANG SERAI]

TARIKH : **14 MAC 2018**

RUJUKAN : **10577**

SOALAN :

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah kanak-kanak di seluruh Malaysia yang mana bapa adalah warganegara Malaysia manakala ibu adalah warga asing yang dinafikan kewarganegaraan Malaysia atas alasan bapa dan ibu mereka tidak mendaftarkan perkahwinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara sehingga 25 Februari 2018, seramai 12,667 orang kanak-kanak bertaraf Bukan Warganegara di mana ibu mereka adalah warga asing yang tidak mendaftarkan perkahwinan dengan bapa bertaraf Warganegara semasa kelahiran kanak-kanak tersebut.

SOALAN NO. 53**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]

TARIKH : 14 MAC 2018

SOALAN :

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan Kerajaan untuk mengundang pasukan pemantau Pilihan Raya yang bebas daripada Sekretariat Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memantau perjalanan Pilihan Raya Umum ke-14.

121

**JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada peruntukan undang-undang pilihan raya sedia ada, tiada klausa yang menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu mengundang pasukan pemerhati pilihan raya daripada mana-mana organisasi baik tempatan mahupun antarabangsa.

Walau bagaimanapun, bagi tujuan memperlihatkan ketelusan proses pilihan raya yang dilaksanakan di Malaysia pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU Ke-13), SPR telah menjemput pemerhati antarabangsa daripada 4 buah negara ASEAN yang terdiri daripada Badan Pengurusan Pilihan Raya (*Election Management Bodies – EMB's*) iaitu negara Thailand, Indonesia, Myanmar dan Kemboja serta pihak Sekretariat ASEAN. Manakala bagi pemerhati tempatan, SPR telah melantik 17 Badan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia bagi membantu SPR memerhatikan proses pilihan raya di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPR akan menjemput pemerhati antarabangsa dari negara-negara Komanwel, Eropah, Asia dan ASEAN yang terdiri daripada wakil Badan Pengurusan Pilihan Raya negara-negara tersebut bagi PRU Ke-14. Selain itu, SPR juga akan menawarkan kepada NGO yang berkecuali dan mana-mana organisasi yang

berkelayakan sebagai pemerhati tempatan. Justeru, SPR sentiasa mempertimbangkan permohonan daripada pihak-pihak yang berkaitan tertakluk kepada dasar dan keputusan SPR mengikut keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.